

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Wednesday, 13 May, 2020 12:50 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: FW: Pekeliling Khas COVID-19 Bil. 2 Tahun 2020: Pelanjutan Tempoh Penutupan Sementara Kampus UUM berikutan PKP sehingga 12 Mei 2020
Attachments: UUMCComm. ed. - Pekeliling Khas COVID-19 Bil. 2_2020.pdf

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 25 April 2020 16:04
To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>
Subject: Pekeliling Khas COVID-19 Bil. 2 Tahun 2020: Pelanjutan Tempoh Penutupan Sementara Kampus UUM berikutan PKP sehingga 12 Mei 2020



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 APRIL 2020 / 2 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE:



UUM CORPORATE COMMUNICATION
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

PEKELILING KHAS COVID-19 BIL. 2 TAHUN 2020

PELANJUTAN TEMPOH PENUTUPAN SEMENTARA KAMPUS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) SEHINGGA 12 MEI 2020

1. LATAR BELAKANG

Berdasarkan situasi semasa penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan mengambil kira saranan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2020 telah mengumumkan pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 12 Mei 2020. UUM akur dengan arahan tersebut yang tertakluk di bawah Warta Kerajaan Persekutuan Peraturan-Peraturan Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Selaras dengan arahan tersebut, pihak Pengurusan Universiti prihatin mengenai keselamatan dan kesihatan warga UUM.

Sehubungan itu, SEMUA STAF DAN PELAJAR diminta untuk terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Malaysia dan cakna akan hebahan semasa oleh pihak Pengurusan Universiti.

Staf juga diminta untuk terus mematuhi GARIS PANDUAN BEKERJA DARI RUMAH yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

2. PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama notis, garis panduan dan arahan yang telah dikeluarkan kepada semua staf dan pelajar oleh pihak Pengurusan Universiti berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari tarikh 18 Mac 2020.

3. TARIKH BERKUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 25 April 2020 dan tertakluk kepada arahan dan pekelling yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau mana-mana pihak berkuasa yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA UUM
25 APRIL 2020



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.